

MUHARRAM

Bulan yang Suci



AL HUDA INSTITUTE

Sebelum kedatangan Islam, bulan-bulan ini dianggap haram (suci) dalam masyarakat Arab termasuklah dalam kalangan Arab Jahiliah. Sewaktu bulan-bulan haram ini, mereka adalah dilarang untuk mengadakan perperangan dan pertumpahan darah dan hal ini menyebabkan wujudnya keamanan. Justeru itu, ibadah Haji dapat dilaksanakan pada tiga bulan pertama dan seterusnya ibadah Umrah, pada bulan keempat.

Muharram adalah bulan pertama dalam Sistem Takwim Hijrah. Takwim Hijrah merupakan sistem kalender yang dikira berdasarkan peristiwa penghijrahan Nabi Muhammad ﷺ. Namun begitu, penggunaannya hanya bermula pada tahun ke 17 Hijrah sewaktu pemerintahan Khalifah ‘Umar Faruq ؓ di mana beliau telah mengirimkan surat kepada para gabenor tanpa menyertakan sebarang tarikh.

Justeru, Gabenor negara Yemen, iaitu Abu Musa Ash’ari ؓ telah membangkitkan hal ini kepada ‘Umar ؓ. Beliau kemudiannya menubuhkan sebuah jawatankuasa kecil bagi menyelesaikan hal ini dan satu keputusan telah dibuat untuk membuat pengiraan kalendar Hijrah bermula dari tahun penghijrahan umat Islam dari Mekah ke Madinah. Tahun 622 Masihi telah dijadikan sebagai tahun 1 Hijrah dan oleh kerana keputusan untuk berhijrah telah dibuat pada hujung bulan Zulhijjah, dan bulan pertama yang muncul selepas bulan ini ialah bulan Muharram, maka ianya dijadikan sebagai bulan pertama dalam kalendar Hijrah. Peristiwa sejarah yang berkaitan dengan penubuhan sistem kalendar Hijrah ini merupakan satu pengajaran besar tentang pengorbanan, pengabdian dan cinta Muhibbin yang sanggup berhijrah demi Allah dan Rasul-Nya ﷺ.



Permulaan Tahun Baru

Masa merupakan satu rahmat besar yang dikurniakan oleh Allah ﷺ kepada hambaNya, ianya bergerak dengan patuh mengikut corak dan kepantasannya tersendiri. Masa tidak menunggu sesiapa pun dan ianya berlalu dengan pantas. Masa akan datang dan pergi, seperti yang telah ditentukan oleh Allah ﷺ, tetapi apa yang tertulis dalam “Masa” adalah bagaimana setiap individu memanfaatkan penggunaan masa tersebut. Dengan bermulanya satu tahun yang baru, telah menjadikan tahun-tahun sebelumnya sebagai masa lampau. Pada masa yang sama, ianya juga hadir bersama pelbagai peluang dan harus dijadikan sebagai motivasi untuk menjalani permulaan yang baru.

Muharram yang akan datang ini adalah satu rahmat besar, ianya merupakan satu peluang untuk memuhasabah diri akan tahun-tahun sebelumnya dan merancang bagaimana untuk menjalani kehidupan yang lebih baik dan lebih bermakna untuk masa hadapan. Marilah kita memanfaatkan rahmat yang diberi oleh Allah ﷺ ini dan meningkatkan kehidupan kita dengan melakukan aktiviti bermanfaat dan melakukan amalan soleh. Kita mampu menjadikan masa singkat yang kita ada ini sebagai satu peluang yang jelas untuk mendapatkan ganjaran pahala, berusaha untuk mendapatkan kejayaan yang abadi dan selamat dari kemusnahan yang kekal selamanya.


Junaid Baghdadi berkata:

"Nilai setiap perjalanan hidup dengan menilai seberapa dekat hubunganmu dengan Allah ﷺ, sejauh mana kamu menjauhkan diri dari shaitan, seberapa dekat kamu sampai ke Jannah dan sejauh mana kamu telah menjauhkan diri dari Jahannam."

Mulakan tahun baru dengan resolusi baru dan motivasi yang murni.

Bersiap sedia secara fizikal dan mental dan menanam tekad baru untuk:

- Menggeratkan hubungan anda dengan Allah ﷺ
- Beribadah dengan semangat dan ketekunan yang baru.
- Memperbaiki cara layanan anda terhadap ibu bapa ke arah lebih baik dan berikan saudara-mara hak mereka.
- Menumpukan perhatian terhadap pendidikan moral keluarga dan anak-anak anda.
- Merancang meningkatkan ilmu pengetahuan dan pembangunan diri.
- Mengambil bahagian dalam aktiviti sosial untuk membantu mereka yang kurang bernasib baik dalam kalangan masyarakat.



Peristiwa Bersejarah

- Muharram merupakan bulan di mana Allah ﷺ telah mengurniakan kemenangan kepada Nabi Musa ﷺ dan kaumnya, Bani Israil dalam mengatasi Firaun.
- Peristiwa terkenal yang dikenali sebagai “Tahun Gajah” berlaku pada bulan ini di mana Abrahah bersama sekumpulan tentera gajahnya berusaha untuk memusnahkan Kaabah.
- ‘Umar رضي الله عنه telah mengalami cedera yang parah namun tidak dapat bertahan dan telah mati syahid pada 1 Muharram 23 Hijrah.
- Cucu Rasulullah ﷺ, Hussain bersama ahli keluarganya telah mati syahid pada 10 Muharram 61 Hijrah di Karbala.

Muharram dan Ibadah Puasa

Kepentingan berpuasa pada bulan Muharram dapat difahami dengan lebih mendalam melalui hadis Rasulullah ﷺ:

أَفْضَلُ الصِّيَامِ بَعْدَ رَمَضَانَ شَهْرُ اللَّهِ الْمُحَرَّمُ

Puasa yang paling baik selepas Ramadan adalah dalam bulan Allah iaitu Muharram.

[Sahih Muslim]

Berdasarkan hadis ini, kita dianjurkan untuk memanfaatkan sepenuhnya bulan Muharram. Hadis ini tidak bermaksud bahawa seseorang harus berpuasa sepanjang bulan namun setiap puasa yang dilakukan pada bulan suci ini akan dikurniakan ganjaran pahala yang lebih besar di sisi Allah ﷺ berbanding puasa sunat pada bulan-bulan lain.





Berpuasa pada 10 Muharram

Berpuasa pada mana-mana hari Muharram akan dikurniakan pahala oleh Allah ﷺ, akan tetapi berpuasa pada 10 Muharram, yang dikenali sebagai 'Ashura' akan mendapat ganjaran yang lebih besar berbanding hari-hari lain.

'A'ishah ؓ meriwayatkan:

"Masyarakat Arab telah biasa berpuasa pada 'Ashura' sebelum puasa Ramadan diwajibkan. Dan pada hari itu Kaabah biasanya ditutup dengan kain. Ketika Allah ﷺ menjadikan puasa pada bulan Ramadan wajib, Rasulullah ﷺ bersabda:

"Barang siapa yang ingin berpuasa (pada hari 'Ashura') boleh melakukannya; dan barang siapa yang ingin meninggalkannya boleh melakukannya." [Sahih Bukhari]. Nabi Muhammad ﷺ tetap berpuasa pada hari 'Ashura' walaupun setelah puasa di bulan Ramadan diwajibkan.

'Abdullah bin 'Abbas ؓ meriwayatkan:

Sesungguhnya Rasulullah ﷺ datang ke Madinah dan mendapati orang Yahudi sedang berpuasa pada hari 'Asyura'. Lalu Nabi ﷺ berkata kepada mereka: Mengapakah kamu berpuasa pada hari ini? Mereka menjawab: Hari ini adalah hari yang agung di mana Allah ﷺ telah menyelamatkan Nabi Musa ﷺ dan kaumnya serta Allah ﷺ menenggelamkan Firaun dan kaumnya. Lalu Nabi Musa ﷺ berpuasa pada hari tersebut sebagai tanda syukur. Disebabkan itu kami pun turut berpuasa. Maka Nabi ﷺ bersabda: Kami lebih berhak dan utama mengikuti Nabi Musa ﷺ berbanding kamu. Dengan itu, Rasulullah ﷺ berpuasa dan memerintah para sahabat untuk berpuasa pada hari tersebut. [Sahih Muslim]

Mengenai puasa Hari 'Ashura', 'Abu Qatadah ؓ meriwayatkan bahawa Nabi Muhammad ﷺ juga bersabda:

صِيَامُ يَوْمِ عَاشُورَاءِ أَحْتَسِبُ عَلَى اللَّهِ أَنْ يُكَفِّرَ السَّنَةَ الَّتِي قَبْلَهُ

"Aku mengharapkan bahawa Allah akan mengampuni dosa-dosa tahun lalu sekiranya berpuasa pada 'Ashura'." [Sahih Muslim]

'Abu Qatadah ؓ juga menceritakan:

سُئِلَ عَنْ صَوْمِ يَوْمِ عَاشُورَاءِ فَقَالَ يُكَفِّرُ السَّنَةَ الْمَاضِيَّةَ

"Nabi Muhammad ﷺ ditanya tentang puasa 'Ashura' dan baginda berkata, "Ini adalah penebusan dosa-dosa satu tahun yang lalu." [Sahih Muslim]

Menyamai Perbuatan Kaum Bukan Islam

Rasulullah ﷺ menyatakan hasrat baginda untuk berpuasa pada 9 Muharram serta 10 Muharram untuk mengelakkan persamaan dengan apa yang diamalkan oleh orang Yahudi. Menurut ‘Abdullah bin ‘Abbas رضي الله عنه رضي الله عنه Rasulullah ﷺ berpuasa pada hari ‘Ashura’ dan menggalakkan sahabatnya untuk mengamalkan amalan yang sama. Lalu masyarakat Arab menjawab, Ya Rasulullah ﷺ, ini adalah hari yang dihormati oleh orang Yahudi dan Kristian. Rasulullah ﷺ menjawab, “Tahun akan datang, in shaa Allah, kita akan menyambutnya dengan berpuasa pada 9 Muharram.” Akan tetapi, Rasulullah ﷺ wafat sebelum ‘Ashura’ pada tahun berikutnya.

Namun begitu, umat Islam telah disarankan untuk berpuasa pada hari ke-9 dan ke-10 Muharram. Sekiranya puasa hari ke-9 ditinggalkan, maka ia dapat digantikan dengan berpuasa pada 11 Muharram. Kita mempelajari dari Al-Qur'an serta Sunnah yang sahih bahawa adalah penting bagi umat Islam untuk berusaha menghindari persamaan dengan orang bukan Islam, sama ada dari segi ibadah, kepercayaan, tabiat, gaya hidup atau tradisi dalam apa juar bentuk. Rasulullah ﷺ bersabda:

مَنْ تَشَبَّهَ بِقَوْمٍ فَهُوَ مِنْهُمْ

“Barang siapa meniru sesuatu bangsa dianggap salah satu daripada mereka.” [Sunan ‘Abu Dawud]





Resucian Bulan Muharram

Mengenai bulan suci ini Allah ﷺ juga telah berfirman:

فَلَا تَظْلِمُوا فِيهِنَّ أَنفُسَكُمْ

“Janganlah kamu menzalimi diri kamu dalam bulan-bulan yang dihormati itu.” [Al-Tawbah: 36]

Ini bererti bahawa pada bulan ini kita harus berusaha untuk meningkatkan amalan soleh, melakukan ibadah tambahan iaitu ibadah sunnah, bersedekah dan mengingati Allah ﷺ. Kita hendaklah sentiasa berusaha untuk menghindari perkara Allah ﷺ tidak suka dan menjauhi laranganNya, berhati-hati dari mendekati perkara-perkara yang mendatangkan dosa, kesesatan (bid'ah) dan perkara yang tidak digalakkan/mendatangkan kemudarat dalam agama. Terdapat banyak peluang untuk kita memperolehi ganjaran yang besar sepanjang bulan ini dan kita seharusnya berusaha sedaya upaya untuk memanfaatkannya.

Sepanjang bulan-bulan suci ini, sebarang pertempuran adalah dilarang dan keamanan telah dijamin. Dalam menghormati kesucian dan kehormatan bulan ini, kita juga hendaklah,

- Menggelakkan dari sebarang pergaduhan, pertengkar dan pertikaian
- Menghormati kehidupan, harta dan kehormatan sesama makhluk

'Abdullah bin 'Abbas رضي الله عنهما meriwayatkan bahawa Nabi Muhammad ﷺ mengatakan perkara berikut semasa Hajjatul Wada':

"Darah, harta dan kehormatanmu sama suci antara satu sama lain seperti kesucian hari ini milikmu ini, pada bulan milikmu ini, di kota milikmu ini." [Sahih al-Bukhari]

Adakah pesanan Rasulullah ﷺ yang kita sayangi ini tidak mencukupi untuk kita?

- Mengelak dari menyakiti orang lain dengan lisan atau perbuatan
- Tidak mencerca mana-mana sahabat Rasulullah ﷺ yang dirahmati Allah
- Melepaskan semua dendam di hati dan menyebarkan unsur perdamaian dan persahabatan dengan kata-kata dan tindakan anda

Semoga Allah ﷺ mengurniakan kemampuan kepada kita untuk berjalan di Jalan Yang Benar. Amin.



RISALAHINI MERUPAKAN EDISI
TERJEMAHAN RISALAH
'MUHARRAM' BAHASA INGGERIS,
YANG BOLEH DIDAPATI DI
WWW.ALHUDAPK.COM



Diterjemahkan oleh Al Huda Virtual Team